

Kegiatan Ekonomi di Kelantan, 1950-an hingga 1970-an

Economic activities in Kelantan, 1950s till 1970s

Haryati Hasan

*Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
email: haryatie@fsk.upsi.edu.my*

Abstrak

Artikel ini membincangkan kegiatan ekonomi Kelantan pada tempoh 1950-an hingga 1970-an. Pertanian sara diri merupakan kegiatan ekonomi utama di Kelantan pada sebelum tahun 1950. Ciri-ciri perpertanian dan pedesaan ini kekal sehinggalah menjelang pasca kemerdekaan. Keadaan ini memberikan keunikannya tersendiri kepada negeri tersebut khususnya dalam mempengaruhi sosiobudaya masyarakatnya. Selepas tahun 1950 keadaan masih tidak banyak berubah. Orang Melayu Kelantan rata-rata tinggal di kawasan luar bandar dengan pertanian masih merupakan mata pencarian yang utama. Hanya sebilangan kecil yang menetap di bandar dan melibatkan diri dalam lapangan perniagaan, perburuhan dan menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Ekonomi secukup hidup ini sedikit sebanyak telah merencatkan usaha kerajaan membangunkan negeri tersebut. Kadar penghijrahan yang tinggi dan kemiskinan dalam kalangan rakyatnya menggambarkan realiti dan situasi sebenar keadaan ekonomi Kelantan pada tempoh tersebut.

Kata kunci *Ekonomi, Melayu, Kelantan, sosiobudaya*

Abstract

This article discusses the economic activities of Kelantan in the 1950s till 1970s. Subsistence agriculture is the main economic activity in Kelantan before 1950. Features of agricultural and rural areas remained until the beginning of the post-independence. This underscores the uniqueness of the individual to the state, especially in the socio-cultural influences society. After 1950 the situation has not changed much. The average Malays in Kelantan live in rural areas where agriculture is still the main livelihood. Only a small number live in the city and engaged in the field of business, labor and government service positions. A subsistence economy to a certain extent has inhibited the government's efforts to develop the state. High migration rates and poverty among its people reflect the reality of the economic situation and the actual situation during the period.

Keywords *Economics, Malay, Kelantan, sociocultural*

Pengenalan

Negeri Kelantan meliputi kawasan seluas 5,765 batu persegi dan mempunyai penduduk seramai 681,312 orang dalam tahun 1970 dengan kepadatan penduduk seramai 118.7 orang setiap batu persegi (Anker Rentse, 1934:57). Daripada segi kawasan, negeri ini adalah yang keenam terbesar di Malaysia dan ketujuh daripada segi jumlah penduduk. Kepadatan penduduknya adalah yang ketiga terendah di Semenanjung Malaysia. Pada hakikatnya Kelantan adalah sebuah negeri pertanian mempunyai 66.8% penduduk yang terlibat dalam pertanian pada tahun 1970. Peringkat pembangunan yang rendah di negeri ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara tertentu iaitu keterpencilannya daripada seluruh negeri lain di Semenanjung Malaysia yang berlaku sejak zaman berzaman dan juga kerumitan dalam hal perhubungan. Penduduk bandar di negeri tersebut berpusat terutama di keliling ibu negerinya, Kota Bharu yang mempunyai penduduk sejumlah 55,124 dalam tahun 1970 (R. Chander, 1976:39). Negeri berkenaan dibahagikan kepada lapan jajahan pentadbiran iaitu Kota Bharu, Ulu Kelantan, Pasir Putih, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah. Artikel ini akan memperkatakan mengenai kegiatan ekonomi Kelantan pada tempoh 1950-an hingga 1970-an. Implikasi daripada kegiatan ekonomi berbentuk sara diri ini akan turut diperjelaskan. Ini termasuklah melihat daripada sudut keunikan sosiobudayanya. Sisi sebaliknya akan turut diperkatakan yakni mengenai kemiskinan dan penghijrahan dalam kalangan rakyat Kelantan. Dalam usaha untuk melihat perubahan yang berlaku tulisan ini membahagikan kepada dua bahagian yakni fenomena sebelum tahun 1950 dan tumpuan pada perkembangan kegiatan ekonomi pada tahun 1950 hingga tahun 1970.

Kegiatan Ekonomi Kelantan

Sebelum 1950

Aktiviti ekonomi yang utama di Kelantan ialah pertanian dan padi merupakan tanaman utama. (M.W.F. Tweedie, 1953:22 & A.H. Hill, 1956:56-63). Tanaman padi yang terpenting sekali ialah padi sawah yang kebanyakannya tertumpu di bahagian Kelantan Utara yang terdiri daripada jajahan Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Putih dan Tumpat (E.H.G. Dobby, 1951:251). Pada tahun 1921, seramai 127,459 orang penduduk negeri Kelantan iaitu 71.8% daripada mereka yang bekerja dilaporkan terlibat dengan kegiatan penanaman padi (Ishak Shari, 1992:160).

Jikalau padi merupakan tanaman sara diri tetapi getah merupakan eksport utama bagi negeri Kelantan. Pada 1929 sejumlah \$5,732,427 daripada eksport negeri Kelantan diperoleh daripada hasil getah ini merupakan 72 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun tersebut (Lihat Jadual 1.1 iaitu mengenai nilai eksport dan import Negeri Kelantan 1927–1934). Pada tahun 1934 pula, sejumlah \$4,533,829 daripada jumlah eksport Kelantan juga adalah daripada getah. Hal ini menunjukkan bahawa getah menjadi punca hasil yang terbesar kepada kerajaan negeri Kelantan. Selain daripada getah, kelapa kering telah menyumbangkan hasil bernilai sebanyak \$185,256 dan ia merupakan hasil eksport Kelantan yang kedua terbesar. Hasil bijih besi dan bijih timah pula juga agak tinggi yakni bernilai \$105,338 dan \$5,927 (R. Emerson, 1964: 333).

Selain daripada bergiat dalam bidang pertanian, sebahagian besar penduduk Kelantan juga terlibat dalam aktiviti perikanan. Perikanan merupakan aktiviti ekonomi yang kedua penting selepas pertanian. Malah ia merupakan mata pencarian yang utama bagi penduduk yang tinggal di kawasan pesisiran pantai di Kelantan dan kawasan sepanjang sungai. Menangkap ikan, sebagaimana dengan pertanian merupakan satu usaha yang semata-mata bertujuan untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri. Oleh itu, tidak hairanlah jika kebanyakan nelayan adalah juga petani. Mereka bercucuk tanam dengan menanam tanaman seperti kelapa, padi, ubi, sagu, nipah dan sebagainya (Zaidi-Saidi Ibrahim, 1982:48-49). Banci penduduk pada tahun 1921 melaporkan bahawa kira-kira 7,197 orang penduduk lelaki atau 14.1% daripada penduduk lelaki yang bekerja terlibat dalam perusahaan ini. Bilangannya dilaporkan turun kepada 6,224 orang atau 5.8% sahaja pada tahun 1931 (Ishak Shari, 1992:167).

Selain kedua-dua aktiviti berkenaan masyarakat Kelantan pada waktu itu ada juga yang menceburi dalam bidang industri desa seperti perusahaan membuat tikar daripada mengkuang, bakul dan raga daripada buluh dan rotan, bertenun, membuat pisau dan parang (menempa), membuat kapur (untuk dimakan dengan sirih), membuat barang-barang perhiasan daripada emas dan perak, membuat budu dan belacan, ikan kering dan sebagainya. Perusahaan-perusahaan ini lebih merupakan perusahaan dalam kalangan keluarga. Aktiviti ini biasanya dilakukan oleh kaum wanita. Hasilnya adalah untuk kegunaan keluarga itu sendiri (W.A. Graham, 1904:65-68 & Zaidi-Saidi, 1982: 49). Selain itu, ada juga penduduk yang menternak binatang khususnya lembu, kerbau dan kambing. Lazimnya dilakukan oleh orang lelaki. Menternak ayam dan itik untuk telur dan daging juga dilakukan. Lembu dan kerbau ditenak kebanyakannya dieksport beribu-ribu ekor setiap tahun ke Singapura (*Annual Report Kelantan, 1904-1905:26*).

Kegiatan perdagangan juga berlaku dalam masyarakat Kelantan pada waktu itu. Penduduk pesisir pantai misalnya mengusahakan hasil-hasil laut seperti ikan kering, udang kering, ikan asin dan sebagainya. Kaum wanita biasanya menjunjung berbatu-batu jauh ke kawasan pendalaman untuk menukarkan barangan tersebut dengan beras, sayur-sayuran, petai, jering dan sebagainya (Zaidi Saidi, 1982:51). Perdagangan juga dilakukan dengan menggunakan perahu melalui sungai dan anak sungai. Dalam tahun 1930-an juga masih didapati ada perahu yang penuh berisi tempayan budu, ikan kering dan sebagainya didayung mudik ke hulu sungai menuju ke daerah pendalaman untuk mencari pelanggan bagi barangan yang dibawa itu.

Selain menjaja ke kawasan pendalaman terdapat juga peniaga yang berniaga secara menetap. Di sesebuah pekan atau kampung terdapat kedai dan bangsal untuk peniaga mempamerkan barangan yang ingin mereka jual. Ketika Abdullah Munshi melawat Kelantan dalam tahun 1838, beliau pernah membuat catatan tentang barangan yang dijual di kebanyakan pasar di Kelantan. Beliau menulis:

“Maka sahaya lihat dalam pasar itu adalah segala jenis hulam dan sayur dan sambal dan nasi gulai yang sudah sedia; tetapi yang sahaya lihat dalam pasar itu kebanyakan perkara makanan yang busuk-busuk seperti pekasam dan tempoyak dan ikan asin dan siput asin dan jering dan petai dan banyak-banyak jenis sambal-sambal belacan dan ikan dan segala kerangan laut dan pucuk-pucuk kayu.”

(Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, 1928:78)

Itulah di antara barangan yang dilihat oleh Abdullah Munshi yang dijual di pasar Kota Bharu dalam lawatannya itu. Barangan tersebut walaupun tidak “mulia” dipandang oleh Abdullah, adalah barangan keperluan asas bagi penduduk Kelantan masa itu dan mungkin beberapa abad sebelum itu. Aktiviti ekonomi dan perdagangan yang agak unik ini telah memperlihatkan satu bentuk budaya yang juga agak unik. Walaupun terdapat pelbagai kegiatan ekonomi di Kelantan, namun masyarakatnya hidup dalam serba kekurangan. Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa ekonomi masyarakat Melayu Kelantan pada abad ke-19 merupakan adalah bersifat sara diri dan aktiviti perdagangan masih lagi tidak berkembang pesat. Para petani seolah-olah tidak berusaha untuk memajukan diri dan meraih hasil yang lebih baik dari keperluan sara diri (Ishak Shari, 1991:26 & Wan Abdul Kadir Yusuf, 1985:199-200). Justeru, tidak menghairankan jika pendapatan kerajaan negeri tidak pernah mencukupi. Ini dapat dilihat daripada Jadual 1.1 iaitu mengenai jumlah pendapatan dan perbelanjaan negeri Kelantan.

Jadual 1.1 Pendapatan dan Perbelanjaan Kelantan 1911 – 1934

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
1911	\$487,467	\$574,850
1914	762,772	805,965
1917	910,291	757,964
1920	1,328,955	1,403,208
1923	1,396,855	1,271,887
1925	1,804,180	1,401,961
1927	2,448,090	2,946,438
1929	2,481,139	2,215,771
1931	1,524,139	1,961,124
1932	1,677,983	1,664,051
1933	1,801,418	1,563,782
1934	2,200,769	1,710,790

Sumber: R. Emerson, 1964: 331.

Secara perbandingan hasil pendapatan dan perbelanjaan Kelantan memperlihatkan tahun-tahun 1911, 1914, 1920, 1927 dan 1931, Kelantan menjalankan polisi belanjawan defisit. Ini kerana kurang sumber hasil yang terdapat di negeri tersebut. Sumber utama kepada pendapatan kerajaan negeri pada masa itu ialah cukai kastam, cukai candu dan hasil tanah. Sementara cukai pokok, cukai kepala dan cukai pendapatan masih tidak diwujudkan lagi (R. Emerson, 1964:332). Antara tahun 1927 hingga 1934 nilai eksport dan import menunjukkan hanya tahun-tahun 1927, 1929 dan 1934 berlakunya hubungan perdagangan yang lebih menguntungkan negeri Kelantan. Tahun-tahun berikutnya menunjukkan Kelantan mengalami kekurangan daripada segi eksport berbanding import. Jadual 1.2 menunjukkan nilai eksport dan import untuk Negeri Kelantan bagi tahun 1927–1934.

Jadual 1.2 Nilai Eksport dan Import Negeri Kelantan 1927 – 1934

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
1927	\$9,021,621	\$6,530,025
1928	6,213,236	7,356,954
1929	7,572,954	7,983,889
1930	4,189,374	6,276,226
1931	2,854,079	2,997,158
1932	2,428,196	3,161,326
1933	3,454,098	4,057,602
1934	5,576,086	5,571,181

Sumber : R. Emerson, *Malaysia: a Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1964, hlm. 331.

Berikutan daripada kurangnya sumber hasil yang boleh menambahkan pendapatan kerajaan negeri maka tidak wujud perubahan yang meluas terhadap pembangunan. Pendapatan yang diperoleh tidak pernah mencukupi bukan sahaja untuk disalurkan ke arah pembangunan ekonomi negeri, malahan untuk belanja pengurusan. Dalam tahun 1934, Kelantan terpaksa berhutang dengan Negeri-negeri Selat sebanyak \$5,237,684, Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebanyak \$300,000 dan kumpulan Wang Pembangunan Tanah Jajahan sebanyak \$29,040 (R. Emerson, 1964:330).

Jelasnya perkembangan ekonomi Kelantan di antara tahun 1911 hingga 1934 tidak mencapai ke peringkat kemakmuran seperti yang telah dicapai oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Jagjit Singh Sidhu, 1971:88). Usaha ekonomi yang diperlukan tidak dapat diwujudkan dalam suasana pentadbiran penjajah. Sementara campur tangan kerajaan negeri tidak dapat dilaksanakan secara serius kerana kemajuan pesat ekonomi ketika itu bergantung kepada aktiviti perusahaan bebas daripada luar (D.J.M. Tate, 1980:285). Semasa pendudukan Jepun, keadaan ekonomi Kelantan mengalami kemerosotan yang amat teruk. Bahkan selepas itu pun dan sebelum tahun 1950 pendapatan negeri Kelantan tidak pernah menghasilkan pendapatan hingga ke angka enam juta (Nik Anuar Nik Mahmud, 1976:258; Arenawati, 1968; Chin Kee Onn, 1946; Chop Suey, 1946).

Masyarakat Kelantan yang kebanyakannya bergiat dalam bidang pertanian mempunyai banyak masa terluang untuk aktiviti-aktiviti sosial. Misalnya petani mempunyai masa lapang ketika menunggu tanaman mengeluarkan hasil atau selepas masa menuai dan nelayan mempunyai masa lapang ketika musim tengkujuh. Keadaan ekonomi secukup hidup memberi peluang kepada mereka membuat usaha lain. Hasil ciptaan tradisional bukanlah bertujuan menambahkan pendapatan tetapi merupakan penciptaan budaya tanpa menimbangkan soal-soal material. Misalnya, pada masa lapang mereka suka bermain gasing atau layang-layang, kanak-kanak juga mempunyai banyak jenis permainan. Pada sebelah malam pula mereka biasa melihat wayang kulit dan sebagainya. Ini bukan sahaja memberi hiburan tetapi juga dapat menghilangkan penat lelah. Orang yang melibatkan diri dalam persembahan seperti ini tidak berkehendakan upah yang tinggi. Kadang-kadang pertunjukan dilakukan secara sukarela dan percuma sahaja.

Hiburan tradisional ini amat penting kepada masyarakat Melayu dahulu amnya dan Kelantan khususnya. Golongan atasan atau pemerintah dan golongan rakyat amat memerlukan hiburan. Raja dan golongan bangsawan serta pembesar ada kumpulan-kumpulan tarian dan juga drama sendiri seperti Mak Yong untuk menghiburkan mereka. Raja mengeluarkan wang untuk membiayai kumpulan-kumpulan ini (Abdullah bin Mohamed (Nakula), 1991:45). Di samping itu, golongan atasan juga bermain berlaga lembu dan ayam untuk menghiburkan hati. Di taman hiburan *Biaritz Park* misalnya telah dibina di tengah-tengah taman tersebut bagi tujuan pertunjukan perlagaan lembu, berdirik barat, pertandingan tinju dan sebagainya (Haryati Hasan, 2004:60).

Pada masa lapang, rakyat tidak kira dari golongan mana akan mengadakan keramaian. Wujudnya perjudian seperti berlaga ayam, berlaga lembu atau kerbau dan jenis perjudian yang lain (Mohammad Taib Osman, 1964:3-7). Menjadi kebiasaan masyarakat Kelantan pada masa itu minat kepada permainan Mak Yong, Menora, Wayang Kulit dan sebagainya (C.C. Brown, 1927 & C.C. Brown, 1928:74-83). Mereka memerlukan hiburan setelah penat bekerja. Permainan mendatangkan keseronokan; ia membolehkan mereka berada di luar atau terpisah sekejap daripada dunia kebiasaannya yang penuh masalah. Jadi permainan atau hiburan ini seolah-olah merupakan cara *escapism* bagi rakyat. Oleh itu, hiburan tradisional ini amat penting kepada masyarakat.

Hiburan tradisional juga terutamanya yang bercorak permainan dapat memenuhi masa lapang pemain-pemainnya. Masyarakat Melayu tradisional mempunyai banyak masa lapang untuk golongan rakyat, lebih lagi untuk golongan pemerintah. Seperti yang telah disebutkan, rakyat umpamanya, ada masa lapang selepas menuai padi atau ketika menunggu tanaman mengeluarkan hasil atau bagi nelayan yang mempunyai masa lapang musim tengkujuh. Jadi masa lapang yang ada ini dipenuhi dengan permainan yang dapat memberi hiburan. Hiburan yang bercorak permainan seperti layang-layang, gasing, rebana, kertok, berlaga ayam dan sebagainya diadakan di siang hari. Pada waktu malamnya diadakan pertunjukan Mak Yong dan Wayang Kulit (William R. Roff (pnyt.), 1974:1).

Di bawah pentadbiran British, satu corak perkembangan baru dapat diperhatikan. Selain kemudahan prasarana, pada tempoh pentadbiran British di Kelantan perkembangan dan kegiatan hiburan adalah pesat. Taman hiburan *Biaritz Park*, merupakan salah satu contoh tempat hiburan yang diasaskan oleh British. Tempat hiburan tersebut walaupun tujuan asal penubuhannya semata-mata untuk tujuan hiburan namun begitu di sana terdapat kegiatan yang melanggar tatasusila adat dan budaya Melayu serta agama Islam. Hal tersebut telah meninggalkan pelbagai implikasi sosial kepada masyarakat Kota Bharu khasnya dan Kelantan amnya (Haryati Hasan, 2004:144-156).

Di bandar pula hiburan yang lebih bercorak massa seperti wayang gambar, radio dan televisyen serta majalah hiburan telah memberikan persaingan kepada unsur-unsur hiburan tradisional yang telah sedia ada dalam masyarakat Melayu. Bahkan ada dakwaan yang menyatakan pengaruh kebudayaan Barat telah berjaya menawan hati terutamanya golongan muda. Sebab itulah Anker Rentse, dalam tahun 1930-an lagi, berkata "*the wayang kulit is dying, killed by western ideas and especially by the cinemas*" (Anker Rentse, 1936:300). Sungguhpun unsur-unsur kebudayaan barat telah berjaya meresapi dan menyusup masuk dalam kehidupan masyarakat bandar khasnya

di Kota Bharu, namun pengaruh dan kesannya lebih jelas dan ketara dapat diperhatikan selepas Perang Dunia Kedua khususnya di sekitar tahun 1950-an dan 1960-an.

Dekad 1950-an hingga 1970-an

Orang Melayu Kelantan rata-rata tinggal di kawasan luar bandar dengan pertanian sebagai mata pencarian yang utama. Hanya sebilangan kecil sahaja penduduknya yang menetap di bandar dan melibatkan diri dalam lapangan perniagaan, perburuhan dan menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Dalam kegiatan ekonomi, secara keseluruhannya kita dapat pecahkan kepada beberapa aktiviti (mengikut bilangan penyertaan penduduk yang bekerja). Lihat Jadual 1.3 berikut:

Jadual 1.3 Kelantan: Pembahagian Tenaga Kerja Mengikut Jenis Kegiatan

Jenis pekerjaan	Semua kaum	Bilangan%	Melayu sahaja	Bilangan%
1. Pertanian, perhutanan dan perikanan	167,133	70.5	158,287	78.0
2. Perlombongan dan kuari	244	0.1	198	0.1
3. Perkilangan	18,617	7.7	15,82	7.8
4. Pembinaan	3,804	1.6	3,227	1.6
5. Khidmat air, elektrik dan sebagainya	689	0.3	607	0.3
6. Pengangkutan	6,802	2.8	6,420	3.1
7. Perniagaan	16,882	7.1	12,308	6.0
8. Perkhidmatan	23,436	9.9	6,420	3.1

Sumber : Syed Husin Ali, 1978:35.

Kesuburan tanah di Kelantan mendorong penduduk di negeri itu terlibat dalam kegiatan pertanian. Malah, dikatakan ikatan Kelantan kepada ekonomi pertanian lebih kuat daripada pergantungan Semenanjung Malaysia kepada pertanian. Kita dapati pergantungan rakyat Kelantan kepada pertanian adalah berjumlah 70.5% untuk semua kaum dan dalam kalangan orang Melayu sendiri adalah 78%. Peratusan penglibatan penduduk dalam lain-lain bidang kegiatan ekonomi adalah kecil. Walau bagaimanapun, jikalau ditinjau penglibatan orang Melayu dalam semua bidang kegiatan ekonomi peratusannya adalah besar kerana mereka merupakan bilangan penduduk yang terbesar di negeri itu (Syed Husin Ali, 978:20-22).

Padi merupakan tanaman utama di Kelantan. Keluasan tanah yang ditanam padi ialah 19% daripada keluasan kawasan padi di Semenanjung Malaysia (Ibid:32). Dalam bidang kegiatan ekonomi yang lain, didapati peratus penyertaan orang Melayu adalah tinggi dibandingkan kaum lain (lihat Jadual 1.3). Perlu dinyatakan bahawa bidang perniagaan yang diambil kira terdiri daripada penjaja dan penjual-penjual kecil di pasar atau gerai, dan juga pekedai. Perkilangan pula meliputi kilang papan, membuat makanan, juga perusahaan membatik dan pertukangan perak.

Bagi kaum pendatang pula sebaliknya lebih tertumpu ke kawasan bandar untuk merebut dan menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan menjadi orang tengah.

Keadaan ini jelas berlaku kepada orang Cina. Orang India pula tertumpu di ladang-ladang getah sebagai buruh misalnya di ladang getah Ulu Kelantan. Keadaan ini sama dengan negeri lain yang menerima kemasukan penghijrah dari luar. Selain kaum Cina dan India di negeri Kelantan terdapat juga orang Siam yang mendiami beberapa kawasan tertentu seperti di Tumpat. Cara hidup mereka tidak jauh bezanya daripada masyarakat Melayu Kelantan. Lantaran itu wujudnya perhubungan yang erat sekali antara dua kaum itu.

Semasa pentadbiran PAS di Kelantan, pertanian masih merupakan kegiatan ekonomi yang utama (Clive S. Kessler, 1978 & N.J.Funston, 1980). Kerajaan waktu itu telah merangka beberapa strategi. Antaranya strategi yang dilakukan seperti mengadakan rancangan pertanian secara intensif dan pelbagai melaksanakan pembukaan tanah secara besar-besaran serta mewujudkan peluang pekerjaan dengan cara menjalankan kegiatan secara intensif (Zawati Mat Saman, 98:50-62). Pada tahun 1960, misalnya kerajaan telah melancarkan kempen besar-besaran bagi mendaftarkan rakyat yang ingin memiliki tanah (Rokiah Talib, 1994:106). Sebagaimana usahanya dalam membangunkan ekonomi kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam bidang sosial. Berhubung dengan aktiviti maksiat, misalnya beberapa pembaharuan telah diperkenalkan iaitu dengan menjalankan beberapa undang-undang yang berunsurkan Islam misalnya pencegahan berlakunya maksiat seperti judi dan majlis sosial (*Berita Harian*, 18 Julai 1960 & *Berita Harian*, 6 Ogos, 1960). Pengharaman juga dibuat ke atas *fun fair* atau taman hiburan yang dianggap sebagai bertentangan dengan ajaran Islam. Pemimpin aliran Islam beranggapan bahawa penutupan ini adalah sebagai sebahagian dari rancangan negeri Kelantan untuk mencegah maksiat atau perkara yang bertentangan dengan hukum agama Islam.

Di sebalik usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada tempoh tersebut kerajaan telah gagal menyelesaikan beberapa masalah antaranya yang berhubung dengan migrasi keluar yang tinggi serta masalah kemiskinan. Penghijrahan keluar telah meninggalkan kesan kepada aspek kependudukan desa. Ini kerana kampung-kampung telah mengalami kehilangan anak-anak muda (kumpulan tenaga kerja yang terpenting). Ini telah menimbulkan kemelesetan di kawasan desa. Kehilangan tenaga muda telah mengubah bentuk piramid umur-jantina penduduk desa iaitu golongan tua dan kanak-kanak kecil telah menjadi ramai, manakala golongan muda pula bertambah sedikit dengan demikian nisbah tanggungan mereka amat tinggi (Abdul Samad Hadi, 1982:159). Selain itu, taburan penduduk mengikut jantina menunjukkan bilangan kaum wanita Melayu melebihi lelaki (R. Chander, 1976:40).

Data daripada Banci tahun 1970 berhubung dengan migrasi menunjukkan bahawa terdapat kehilangan penduduk-penduduk negeri Kelantan kepada negeri lain. Migran masuk dari tempat dilahirkan, iaitu 2.9%, adalah yang paling rendah di antara negeri-negeri, dan peratus migran keluar, 9.9% adalah yang tinggi sekali. Perpindahan masuk ke dalam negeri telah bertambah hanya sedikit, kurang daripada pertambahan perpindahan keluar dari negeri itu sejak tahun 1957. Dalam tahun 1957 peratus migran masuk dari tempat kelahiran, iaitu 2.1% manakala peratus migran keluar ialah 5.5%. Pengaliran keluar penduduk yang begitu besar, menunjukkan ciri negeri ini yang berupa luar bandar, dan juga satu petunjuk kepencilan negeri itu dan kekurangan peluang-peluang pekerjaan. Peratus migran di dalam negeri, iaitu 18.1% adalah rendah juga

memandangkan kawasan tanah yang begitu luas dan kepadatan penduduk yang agak rendah. Pendedahan negeri itu kepada angin monsun dan banjir yang berlaku memberi penjelasan bagi keadaan yang belum membangun dan kekurangan perindustrian di dalam negeri.

Dianggarkan pada tahun 1957 hingga tahun 1970 terdapat 55,700 orang berhijrah ke negeri lain untuk mencari pekerjaan (Ishak Shari, 1992:192). Penghijrahan, semakin pesat selepas tahun 1970-an dan ini dapat dilihat daripada pengeluaran pasport oleh Jabatan Imigresen. Pada tahun 1971 hingga 1978 misalnya sebanyak 78,384 pasport telah dikeluarkan. Umumnya, mereka yang mengambil pasport pergi ke Singapura untuk bekerja di sana (*Pejabat Menteri Besar Kelantan*, M.B.KN (0)307: 6-7). Dengan mengutamakan bidang pertanian, negeri ini telah gagal untuk menarik golongan imigran di masa yang lampau. Negeri Kelantan mempunyai peratus penduduk peranakan asing yang rendah sekali dalam tahun 1970, iaitu 1.3% dan ini menunjukkan pengurangan daripada 2.1% dalam tahun 1957 (R. Chander, 1976:43).

Kelantan juga berhadapan dengan masalah kemiskinan. Masalah tersebut bukannya merupakan fenomena baru kerana sejak di zaman pentadbiran British lagi masalah yang sama telah dirasai oleh penduduk negeri berkenaan. Setelah merdeka, keadaan masih tetap tidak berubah (William R. Roff (pnyt.), 1974:289-292; Syed Husin Ali, *Pejabat Menteri Besar Kelantan*, M.B.KN (0) 320:1 & *Pejabat Menteri Besar Kelantan*, M.B.KN (0) 307:1). Jika diperhatikan kepada kegiatan ekonomi dan pemilikan harta di kalangan rakyat, maka munasabah bagi kita menerima hakikat bahawa sebahagian dari rakyat negeri Kelantan, masih lagi dalam kategori miskin. Dalam tahun 1957 misalnya, 20% dari semua keluarga berpendapatan tinggi sekali telah menerima hampir 50% dari seluruh pendapatan, manakala 60% keluarga tergolong dalam kategori pendapatan yang paling rendah menerima 30% daripada seluruh pendapatan. Dalam tahun 1970, 20% yang di atas menguasai 56% daripada pendapatan semua keluarga, manakala 60% di bawah menguasai 25% daripada seluruh pendapatan (Syed Husin Ali, 1978: 32-33). Akibat daripada kekurangan perindustrian dan sebahagian besar penduduknya menjalankan kegiatan ekonomi pertanian tradisi, anggaran kerajaan menunjukkan 64.9% daripada penduduk Kelantan adalah dalam keadaan kemiskinan.

Di sebalik kemiskinan ekonomi, masyarakat Kelantan mempunyai kekayaan tradisi. Di tengah-tengah mereka wujud bermacam-macam jenis permainan seperti gasing dan wau; berbagai-bagai macam hiburan seperti wayang kulit, mak yong dan dikir barat dan beraneka ragam kepercayaan serta upacara yang berhubung dengan kegiatan ekonomi dan sosial mereka. Kesemuanya ini merupakan lanjutan daripada seni budaya rakyat yang masih meluas dan berfungsi dalam hidup masyarakat mereka; segala tinggalan yang masih hidup daripada warisan lama dan pancaran yang masih segar dikawal oleh nilai-nilai lama yang masih wujud lagi dalam kampung. Kesemua ini kadang-kadang dianggap seolah-olah menjadi unsur yang memberikan sebahagian daripada identiti orang Kelantan. Permainan, hiburan dan kesenian rakyat Kelantan yang wujud di tengah masyarakat luar bandar ini secara tidak disedari melambangkan dunia yang berbeza dan bertambah terpisah di antara lapisan bawahan di kampung dengan lapisan pertengahan dan atasan di bandar. Jadinya ketidaksamaan di antara mereka bukan sahaja dalam bidang ekonomi, khususnya pemilikan dan pendapatan, tetapi juga dalam bidang sosial dan seterusnya seni budaya juga.

Walaupun begitu aktiviti-aktiviti kebudayaan asli seperti permainan wayang kulit, mak yong, main puteri, menora, berdikir barat, permainan wau, permainan gasing, rebana dan kertuk masih lagi kekal antara tahun 1950–1970. Selain itu, pada tempoh tersebut perkembangan dunia hiburan kian pesat dan merupakan kesinambungan dari zaman pentadbiran British. Pusat hiburan yang terkenal pada masa itu ialah *Biaritz Park*. Setelah pusat tersebut ditutup pada pertengahan tahun 1970, kelab malam pula mengambil tempat dan begitu juga hotel yang turut menyediakan hiburan yang lebih berunsurkan kebaratan. Selain itu, bagi masyarakat massa pula perkembangan wayang gambar telah disambut baik sebagaimana adanya radio dan televisyen.

Kota Bharu, nyata menepati selera masyarakat waktu itu kerana segala aktiviti hiburan berfokus di sana. Walaupun bandar berkenaan menjadi tumpuan pelbagai masyarakat untuk mencari rezeki dan mendapatkan hiburan namun bandar berkenaan yang penduduk majoritinya kaum Melayu telah tumbuh menjadi sebuah bandar dengan bangunan-bangunan moden dan lain-lain unsur kemodenan. Namun, Kota Bharu pada mulanya lebih merupakan pertumbuhan dan perkembangan masyarakat kampung Melayu Kelantan. Kebanyakan rumah lama di dalam bandar Kota Bharu adalah rumah-rumah dalam reka bentuk rumah Melayu dan kepunyaan orang Melayu Kelantan. Begitu juga jalan rayanya masih mencerminkan ciri kemelayuan. Orang Cina pula kebanyakannya adalah peranakan Kelantan, tahu bertutur loghat Kelantan serta juga kebanyakannya hidup seperti orang Melayu Kelantan (Nik Mohamed Nik Mohd.Salleh, 1984:110).

Bandar Kota Bharu juga adalah pusat seluruh kegiatan orang Melayu Kelantan yang sudah terkenal kerajinan dan kegigihan mereka dalam mencari kehidupan. Kegiatan dan kegigihan itu tidak saja terhad kepada kaum lelaki bahkan kaum wanita Melayu juga. Di sinilah terletaknya satu-satunya keistimewaan orang Melayu Kelantan. Kaum wanita Melayu Kelantan baik di bandar-bandar mahupun di kampung-kampung sama-sama bergiat dalam ekonomi bahkan kadangkala lebih giat lagi daripada kaum lelaki, khususnya dalam bidang perniagaan. Pasar besar di Kota Bharu dan di lain-lain bandar di Kelantan didominasi oleh kaum wanita Melayu dan hal ini tidak terdapat atau berlaku di tempat-tempat lain di Malaysia, kecuali di negeri Terengganu (Nik Mohamad, 1984:110). Walau pun begitu Kota Bharu tidak terkecuali daripada dicemari oleh unsur-unsur negatif. Ini termasuklah segala aktiviti maksiat yang turut terdapat di sana. Sehingga satu ketika seorang penulis telah menggambarkan bandar Kota Bharu sebagai Paris Timur kerana perniagaan daging mentah di sana iaitu pelacuran (Ishak Haji Muhammad, 1956:36). Sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut dapat dilihat dalam konteks kewujudan rumah-rumah pelacuran, hotel dan kelab malam serta tidak terkecuali taman hiburan *Biaritz Park*. Selain kegagalan pihak kerajaan membendung masalah migrasi dan kemiskinan tindakan kerajaan juga dapat dipersoalkan dalam usahanya membasmi kegiatan maksiat khususnya pada tempoh 1950-an hingga 1970-an.

Kesimpulan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang bercirikan kepetanian dan kedesaan. Hampir 70 peratus daripada penduduknya terlibat dalam pertanian. Kota Bharu

walaupun berkembang pesat sebagai sebuah bandar dan mengalami urbanisasi yang pesat berbanding jajahan-jajahan lain tetapi tetap merupakan sebuah kawasan yang masih bercorak luar bandar. Di sana, ramai yang masih mengusahakan tanaman padi. Walaupun begitu, terdapat juga yang terlibat dalam perniagaan dan pasar-pasar di sana peniaga-peniaganya terdiri daripada kaum wanita. Selain itu industri desa terus berkembang sejak dulu lagi. Perkilangan, pula sumbangannya terlalu kecil berbanding dengan sumbangan dalam bidang pertanian. Disebabkan aktiviti yang bercorak sedemikian maka turut mempengaruhi cara hidup masyarakat Melayu. Sementara menunggu hasil tani, mereka mempunyai banyak masa lapang untuk mempertajamkan dan menumpukan kepada aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan. Oleh itu, dapat diperhatikan beberapa permainan tradisional masih wujud hingga kini. Selain itu, hiburan diperlukan setelah berpenat lelah bekerja. Unsur hiburan Barat diterima dan berjalan seiring dengan hiburan tradisional tadi. Bahkan adakalanya dapat diperhatikan berlakunya sinkritisme antara tradisional dan moden. Selain itu juga, kebergantungan kepada ekonomi pertanian dan kurangnya usaha untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi menyebabkan negeri tersebut gagal menyediakan peluang pekerjaan. Oleh itu, sepanjang tempoh 1960-an–1970-an ramai dalam kalangan lelaki khususnya yang berhijrah keluar dari Kelantan kerana mencari pekerjaan. Kemiskinan pula merupakan fenomena yang bukan sahaja diwarisi sejak pentadbiran British tetapi merupakan fenomena yang berterusan sehinggalah empat penggal berikutnya. Ini kerana tiada usaha yang lebih bersungguh-sungguh diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah jika negeri itu merupakan negeri yang paling miskin di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. (1928). *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Abdullah bin Mohamed (Nakula). (1991). 'Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan 1879-1935', *Monograf X Perbadanan Muzium Negeri Kelantan*, Kota Bharu,
- Abdul Samad Hadi. 'Migrasi Dalaman dan Kesannya kepada Masyarakat Desa' dalam Nor Laily dan Yusuff Yunus (pnyt.). 1982. *Kependudukan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arenawati. (1968). *Cerpen Zaman Jepun*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Annual Report Kelantan, 1904-1905*.
- Berita Harian*, 18 Julai 1960.
- Berita Harian*, 6 Ogos, 1960.
- Brown, C.C. (1927). *Papers on Malay Subject: Kelantan Malay*. Singapore: Government Printing Office.
- Brown, C.C. (1928). 'Kelantan Bull Fighting', *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, VI/1 :74-83.
- Chander, R. (1976). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1970: Jadual-Jadual Asas Penduduk Bahagian VIII- Kelantan*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Chin Kee Onn. (1946). *Malaya Upside Down*. Singapore: Jitts & Co. Ltd.
- Chop Suey. (1946). *A Selection From a Host of Gruesome Events that Happened in Malay During the Japanese Occupation*. Vol. 1, II dan III. Singapore: Ngai Seong Press.

- Emerson, R. (1964). *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Funston, N. J. (1980). *Malay Politics in Malaysia: a Study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heineman Educational Books (Asia) Ltd.
- Graham, W. A. (1904). *Kelantan: a State of the Malay Peninsula*, Glasgow: James Maclehose and Sons.
- Haryati Hasan. (2004). "Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950an-1970an". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Hill, A.H. (1956). 'Kelantan Padi Planting'. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. XXVI: 56-63.
- Ishak Haji Muhammad. (1956). *Jalan ke Kota Bharu*. Singapore: Qalam.
- Ishak Shari. (1991). "Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan Pada Abad ke-19" dalam *Masyarakat Melayu Abad ke 19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Shari. (1992). *Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jagjit Singh Sidhu. 'Kemajuan Pentadbiran Tanah Melayu 1896-1941' dalam Zainal Abidin Wahid (pnyt.). 1971. *Sejarah Malaysia sepintas lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kessler, C.S. 'Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan' dalam William R. Roff (pnyt.). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Kessler, C.S. (1978). *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1838-1969*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Mohammad Taib Osman. (1964). 'A Text on the Rules of the Kelantan Bull-Fight' dalam, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 37/2 3-7.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (1976) 'Kelantan di Bawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-1945' dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia,.
- Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh. (1984). "Bandar Kota Bharu: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya" dalam *Warisan Kelantan III*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Pejabat Menteri Besar Kelantan*, M.B.KN (0)307, 'Kajian Sosio Ekonomi Penarik Beca di Kelantan'.
- Pejabat Menteri Besar Kelantan*, M.B.KN (0) 320, 'Kertas Cadangan Kajian Kekesanan Usaha-Usaha Pembangunan Kerajaan ke atas Kumpulan Miskin di Malaysia'.
- Rentse, A. (1936). 'The Kelantan Shadow Play (Wayang Kulit)', dalam *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14/3: 300.
- Roff, W.R. (pnyt.). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Rokiah Talib. (1994). *Politik dan Isu Ekonomi di Kelantan: Satu Kajian Sosio-Ekonomi*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Syed Husin Ali. (1978). *Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelantan*. Kuala Lumpur: Karangkrak Sdn. Bhd.
- Tate, D. J. M. (1980). *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara: Perubahan Ekonomi dan Sosial*. Jil. Ke-2, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tweedie, M. W. F. (1953). 'An Early Chinese Account of Kelantan'. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, XXVI/1: 22.
- Wan Abdul Kadir Yusuf. 'Sikap Kekitaan dalam Kelompok Sosial Masyarakat Tani di Kelantan', dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (pnyt.). (1985). *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Zaidi-Saidi Ibrahim. (1982) 'Aspek-Aspek Budaya-Ekonomi Masyarakat Kelantan Sebelum 1909' dalam Khoo Kay Kim (pnyt.). (1982). *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Zawati Mat Saman. (1998/99). 'Ekonomi Negeri Kelantan bagi Tahun 1900 sehingga 1970'. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya:Kuala Lumpur